

TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT DATUK HALIMAH BINTI
MOHAMED SADIQUE MENTERI PERPADUAN
NEGARA**

**SEMPENA PROGRAM MALAYSIA PRIHATIN:
MEMPERKASA KEPIMPINAN KOMUNITI
RUKUN TETANGGA ZON KLUANG, BATU
PAHAT DAN MERSING**



Bismillahirrahmanirrahim assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh salam sejahtera
dan salam perpaduan,

1. Tuan Haji Jamaludin Bin Haji A. Hamid
Pegawai Daerah Kluang merangkap wakil
rasmi yang berhormat Setiausaha Kerajaan
Negeri Johor

2. Yang Berhormat Dr Chong Fat Full
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan,
Perdagangan Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri
Johor

3. Yang Berbahagia Dato Indera Noridah Binti
Abdul Halim Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

4. Ybrs. Tuan Haji Abd Halim Bin Hassan

Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara
Dan Integrasi Nasional

5. Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd Radzi Bin
Mohd Amin Pegawai Daerah Mersing

6. Yang Berbahagia Tuan Haji Ahmad Nazri
Bin Rebu Wakil Rasmi Pegawai Daerah Batu
Pahat

7. Yang Berusaha Puan Suraya Binti Wen
Pengarah Perpaduan Negari Johor

Pegawai – Pegawai Kanan Kementerian
Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

Ketua-Ketua Jabatan Dan Agensi Daerah
Kluang Barisan Kepimpinan Rukun Tetangga
Zon Kluang, Batu Pahat Dan Mersing

Rakan – Rakan Media Serta Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.

Pendahuluan

Alhamdulillah, dengan penuh rasa kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah dan izinnya dapat kita bersama-sama dalam Majlis.

Program Malaysia Prihatin: Memperkasa Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Zon Kluang, Batu Pahat Dan Mersing yang diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail pada pagi ini.

- Rukun Tetangga adalah jentera perpaduan yang telah sekian lama bertapak dalam masyarakat.
- sehingga kini, 8,330 Kawasan Rukun

Tetangga di seluruh negara dengan jumlah keahlian seramai 250,000 orang.

- jumlah KRT yang tinggi ini adalah petunjuk yang membuktikan kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap kepentingan peranan rukun tetangga.

Ucapan Tahniah

Krt Taman Intan 2 Kluang berjaya menjadi Johan Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021 Kategori Projek Ekonomi Rukun Tetangga Terbaik.

- bagi memastikan KRT kekal relevan,
- pelan pemeraksanaan kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga dan agenda kerja baharu KRT (RT4ALL) telah dilancarkan pada 28 februari 2021 oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato'

Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd Yassin.

- terdapat lima (5) teras strategik pelan pemerkasaan kepimpinan komuniti rukun tetangga ini:

1. Pemerkasaan kepimpinan rukun tetangga sebagai pemangkin perpaduan;

2. Pemerkasaan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional;

3. Meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi aktiviti kesukarelawanan;

4. Memantapkan peranan rukun tetangga dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti; dan

5. Memperkasa kelompok komuniti.

Tujuan Teras Strategik Inisiatif

- memperkukuhkan peranan dan

tanggungjawab kepimpinan komuniti rukun tetangga ;

- memantapkan program perpaduan dan kesejahteraan komuniti.

Agenda kerja komuniti rukun tetangga menterjemahkan pelaksanaan pelan pemerksaan kepimpinan komuniti rukun tetangga, empat (4) gerak kerja yang dikenali sebagai RT4ALL iaitu:

1. KRT Sejahtera
2. KRT Selamat
3. KRT Bersih dan Indah
4. KRT Sihat

Bengkel penerangan gerak kerja pelaksanaan dasar-dasar perpaduan dan pelan pemerksaan kepada:

- pegawai kementerian dan jpnin dan ;
- kepimpinan rukun tetangga di seluruh negara.

Pagi tadi, seramai 450 orang pemimpin dan ahli jawatankuasa rukun tetangga dari KRT zon Kluang, Batu Pahat dan Mersing telah menghadiri sesi taklimat gerak kerja dasar-dasar perpaduan dan pelan-pelan pemeraksanaan.

Tujuan Taklimat

- sesi pengenalan kepada dasar perpaduan negara dan pelan pemeraksanaan di bawah kementerian
- petunjuk dan hala tuju baharu gerak kerja

rukun tetangga. Kefahaman yang jelas tentang dasardasar dan pelan-pelan pemeraksanaan ini akan:

- melancarkan pelaksanaan program
- memberi impak kepada komuniti kita.

Majlis Pelancaran Hari Ini

- program malaysia prihatin: komuniti rukun tetangga - vaksin untuk semua dan
- 8 program agenda nasional Malaysia sihat, kerjasama strategik bersama Kementerian Kesihatan Malaysia

Tujuan Program Pemeraksanaan Komuniti

- bersama-sama menjaga komuniti sekeliling dan keluarga masing-masing daripada risiko

jangkitan covid-19

Pelaksanaan program ini diharapkan akan mengurangkan kadar kebolehjangkitan wabak covid-19 dan memulihkan kembali negara.

Sasaran Program Malaysia Prihatin

Komuniti Rukun Tetangga - vaksin untuk semua:

- pendaftaran seramai 250,000 orang ahli jawatankuasa rukun tetangga di seluruh negara.

Cara pendaftaran vaksin covid-19:

- aplikasi mysejahtera
- laman web pendaftaran vaksin
- bantuan pendaftaran secara manual (isi borang) oleh ahli KRT

Sehingga 2 april 2021:

- seramai 76,100 orang ahli jawatankuasa rukun tetangga di seluruh negara telah pun mendaftar sebagai penerima vaksin covid-19.
- bagi ahli jawatankuasa rukun tetangga yang belum mendaftar, saya menyeru untuk segera mendaftar sebagai penerima vaksin covid-19
- bersama kita memutuskan rantai penularan pandemik ini.

Penutup

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Tuan Pegawai Daerah Kluang, Tuan Haji Jamaludin B Haji A.Hamid dan semua jentera KRT atas segala usaha berterusan dan komitmen yang ditunjukkan dalam menggerakkan agenda perpaduan negara.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

